

## KHUTBAH JUMAAT

### “PEMIMPIN DITAATI KEMAKMURAN DIKECAPI”

(13 Disember 2024M/ 11 Jamadilakhir 1446H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا  
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat.

Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi segala tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain. Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk "**Pemimpin Ditaati Kemakmuran Dikecapi**".

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Perpaduan, kesatuan dan persaudaraan dalam kalangan umat Islam adalah perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya *sallallahu 'alaihi wasallam* yang wajib dipatuhi oleh umat Islam. Di dalam al-Quran dan al-Hadis, begitu banyak arahan yang memerintahkan umat Islam agar menjaga perpaduan, persaudaraan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

Manakala, perkara-perkara yang boleh menimbulkan perbalahan, perpecahan, benci-membenci dan pulau-memulau adalah perbuatan dosa yang dimurkai oleh Allah *subhanahu wata'ala* dan mesti dijaui. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hujurat, ayat 10 yang bermaksud:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

**Maksudnya:** *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu. Dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

Terdapat banyak panduan dan petunjuk di dalam al-Quran dan al-hadis tentang cara membentuk dan mengekalkan persaudaraan serta perpaduan dalam Islam. Antaranya, firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Nisa', ayat 59 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۖ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

**Maksudnya :** *Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.*

As-Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya'rawi *rahimahullah* ketika mentafsirkan ayat tadi menjelaskan bahawa suruhan taat kepada pemerintah disertakan dengan ketaatan kepada Allah dan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Ini menunjukkan bahawa ketaatan kepada pemerintah perlulah didasari dengan ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* supaya dengan itu masyarakat akan terpelihara dengan keimanan dan pada masa yang sama mereka juga terhindar daripada penindasan. Justeru, setiap pemerintah itu dituntut untuk menunaikan amanah kepimpinan dengan sempurna dan sentiasa mentaati Allah dan Rasul-Nya.

Berkaitan dengan maksud 'Ulil Amri' pada ayat tadi, Imam al-Baghawi *rahimahullah* menjelaskan bahawa Ibnu Abbas dan Jabir *radiallahu anhum* serta al-Hasan, ad-Dahhak dan Mujahid *rahimahumullah* mengertikannya sebagai para fuqaha' dan ulama yang mengajar ajaran Islam kepada umat Islam. Manakala Abu Hurairah *radiallahu anhu* pula menjelaskan bahawa mereka ialah para pemerintah. Imam al-Baghawi *rahimahullah* kemudiannya menukikan daripada Saidina Ali bin Abi Talib *radiallahu anhu* yang menegaskan betapa pentingnya seseorang pemimpin itu melaksanakan kepimpinannya berlandaskan ajaran Islam. Jika demikianlah halnya, maka menjadi tanggungjawab rakyat pula untuk mentaatinya.

Berkaitan dengan hal ini, Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah as-Sajdah, ayat 24:

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أُمَّةً يَهْتَدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا ۖ وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يُوقِنُونَ (٢٤)

**Maksudnya:** Dan Kami jadikan dari kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami, selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan Kami.

Imam Ibn Kathir *rahimahullah* dalam menafsirkan ayat tadi, menyatakan di dalam kitab tafsirnya bahawa :

“Ketika mereka sabar dalam melaksanakan semua perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya, membenarkan para Rasul-Nya dan mengikuti risalah yang diberikan kepada mereka, nescaya

*mereka menjadi para pemimpin yang memberi petunjuk kepada kebenaran dengan perintah Allah, mengajak kepada kebaikan, memerintahkan yang makruf dan melarang kemungkaran.”*

Begitulah ibaratnya, apabila pemimpin dan rakyat menghayati ajaran Islam, saling menghormati dan menyayangi antara satu sama lain, dan rakyat juga mentaati 'Ulil Amri', maka mereka bukan sahaja akan bersatu padu dan memiliki kekuatan, malah akan mampu memacu ke arah pembangunan, kemajuan dan kemakmuran yang lebih hebat, diredai dan diberkati oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah kita terus bersatu dan memperkukuhkan persaudaraan kita dalam semua perkara. Kikiskanlah segala perselisihan dan hapuskanlah segala unsur-unsur yang boleh membawa kepada perpecahan dan keruntuhan kerana akibatnya akan merugikan umat Islam sendiri.

Melalui perpaduan yang kukuh dan kesatuan hati serta ketaatan yang padu kepada para pemimpin, maka kestabilan dalam negeri dan negara sama ada dalam bidang politik, ekonomi ataupun sosial akan wujud. Kestabilan yang terhasil ini akan mewujudkan suasana yang amat kondusif untuk melaksanakan segala bentuk pembangunan yang telah dirancang dengan lebih berkesan dan berjalan lancar. Pembangunan yang dilaksanakan itu akan meningkatkan daya saing negeri dan negara di persada dunia. Lebih-lebih lagi dalam usaha kita mencapai wawasan sebagai Sarawak yang maju dan makmur menjelang Tahun 2030.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah minggu ini, khatib ingin menegaskan;

**Pertama:** Membina perpaduan, kesatuan dan persaudaraan dalam kalangan umat Islam adalah merupakan perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya *sallallahu 'alaihi wasallam*.

**Kedua:** Mentaati pemerintah perlulah didasari dengan ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

**Ketiga:** Masyarakat yang bersatu padu bukan sahaja akan memiliki kekuatan, malah akan mampu memacu ke arah pembangunan dan kemajuan yang lebih hebat, diredhai dan diberkati oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hujurat, ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

**Maksudnya:** *Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu. Dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada musim hujan ini, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Selain itu, marilah kita terus mengimarahkan masjid dengan solat fardu berjemaah dan memperbaiki keikhlasan dalam setiap amalan kita. Selain itu, pastikan makanan harian kita adalah halal dan baik. Dalam masa yang sama, aspek ketaatan kepada pemimpin dan perpaduan ummah perlu juga diutamakan demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat Sarawak.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sebagaimana perintah Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam aqidah, ibadah dan akhlak. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.